

**SK CATHOLIC ENGLISH (M) KUCHING
PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4**

**PdPR Minggu 19
Khamis 17 Jun 2021**

**UNIT 9 KEBERANIAN
Saya Menegur
Jiran Terima**

LEMBARAN KERJA

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

Tonton video di bawah.





SAYA MENEGUR, JIRAN TERIMA



Baca dan fahami cerita.



Alicia, kenapa kamu membuang sampah dari tingkat atas? Perbuatan kamu mengotorkan tempat tinggal kita dan mengancam keselamatan jiran kita.



Biarlah, Harivhanan. Di sini ada pekerja yang mengutip sampah. Lagipun, jiran yang lain juga buat begitu.

Ramalkan
kesudahan
cerita ini.



- ◆ Mengapakah Harivhanan menegur perbuatan Alicia?
- ◆ Jika kamu menghadapi situasi yang sama, wajarkah kamu bertindak sedemikian? Jelaskan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyudahkan cerita dengan amalan keberanian.
- Minta murid menceritakan pengalaman bersikap berani terhadap jiran.
- Minta murid mencari maklumat tentang sikap berani terhadap jiran daripada pelbagai media untuk dikongsi bersama-sama rakan di kelas.



Pangsapuri sampah

Amrullah Abdul Karim - Februari 6, 2018 @ 4:41pm
bhnews@bh.com.my



SIKAP tidak bertanggungjawab segelintir penduduk membuang sampah dari tingkat atas bangunan di Apartment Teratai, Taman Bunga Raya dan tersangkut pada bumbung di tingkat bawah. - Foto Amrullah Abdul Karim



BUKIT BERUNTUNG: "Bukan setakat sampah biasa, barang lain seperti tilam, pun ada dibuang dari atas. Tuala wanita dicampak ikut tingkap dan rangka motosikal disumbat dalam parit," kata Ruzyta Abdul Azin.

Ruzyta, 38, yang menghuni di Apartmen Teratai, Taman Bunga Raya, di sini, berkata dia dan kebanyakan penduduk di kawasan itu buntu berikutan masalah sampah-sarap yang bersepah di kediaman bertingkat itu tidak pernah berkesudahan.

Katanya, keadaan itu meresahkan jiran tetangga dan lebih membimbangkan, penduduk terpaksa menanggung kesan negatif seperti penularan wabak denggi.

"Kena fikirlah orang lain. Jangan susahkan jiran sampai sampah berulat. Apabila ditegur buat tak tahu sahaja. Fikirkan adab kita berjiran," katanya ketika ditemui di apartmen itu, hari ini.

Beliau yang menetap di kawasan itu sejak lebih 17 tahun lalu juga hampir terkena lampin pakai buang yang berisi najis yang dibuang dari tingkat atas.

Katanya, penduduk masih bernasib baik kerana belum pernah berlaku kejadian meragut nyawa seperti insiden buang kerusi sehingga menyebabkan kematian di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Pantai Dalam, baru-baru ini.

Bagi Noni Md Yakin, 39, pula, kawasan Apartmen Teratai tidak pernah terlepas dari kes demam denggi.

Katanya, situasi itu berpunca daripada masalah sampah yang dibuang di merata tempat sehingga menyebabkan saluran perparitan di kawasan itu tersumbat.

"Di sini, kes denggi tidak pernah berakhir. Ada sahaja kes. Sedar atau tidak saja. Semuanya berpunca dari takungan air yang disebabkan oleh sampah. Gotong-royong ada dibuat tetapi terimalah hakikat sehari itu sahaja bersih, esoknya kotor semula," katanya.

Berbeza pula di Apartmen Kenanga dan Apartmen Bouginvilla di sini, apabila unit rumah kosong menjadi sasaran penghuni tidak bertanggungjawab membuang sampah.

Penduduk, Norjaiz Ali, 49, berkata keadaan itu mengundang masalah bau busuk dan turut menjadi sarang penagih dadah selain sering berlaku kebakaran.

"Kebiasaannya, sampah perabot, tilam dan sofa buruk dilonggok dalam rumah kosong. Sebaiknya pihak berwajib bertindak tegas terhadap individu yang didapati membuang sampah seperti ini," katanya.

Lengkapi rajah dibawah dengan tindakan berani yang harus kamu ambil terhadap jiran kamu demi kesejahteraan bersama.

